

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MALAYSIA		
PUBLICATION:	BERITA HARIAN	SECTION:	BISNES
DATE:	WEDNESDAY, 26 SEPTEMBER 2018	PAGE NO.:	23, 25
CIRCULATION:	69,985	FREQUENCY:	DAILY
HEADLINE:	PETRONAS TIME MARINE SERVICES SDN BHD BANGUN TEKNOLOGI RAWAT ENAP CEMAR / KERJASAMA PETRONAS, TIME MARINE SERVICES		



PERSIDANGAN DAN PAMERAN PERKHIDMATAN MINYAK DAN GAS MALAYSIA (MOGSEC 2018)

Kerjasama PETRONAS, TIME Marine Services

➔ Cari kaedah inovatif, ekonomi rawat enap cemar

Oleh Zarina Zakariah dan Mahanum Abdul Aziz
bbiz@nstp.com.my

PETRONAS akan bekerjasama dengan TIME Marine Services Sdn Bhd bagi membangunkan teknologi baharu untuk mencari penyelesaian inovatif dan ekonomi dalam rawatan enap cemar bagi mendapatkan semula hidrokarbon di daratan.

TIME Marine Services adalah pemenang Cabaran Teknologi PETRONAS ketiga. Pengumuman diadakan di Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSEC 2018).

PETRONAS berkata, cadangan teknologi TIME Marine Services itu ialah penggunaan bahan kimia teknologi nano tidak bertoksik dan mesra alam yang mampu mencairkan enap cemar dan lim berat.

Ia berkata, partikel nano akan memisahkan emulsi menjadi minyak dan air, yang membolehkan pemulihan hidrokarbon optimum, dan pada masa yang sama, membersihkan efluen yang dikeluarkan bagi memenuhi standard kualiti alam sekitar.

Penyelesaian itu, menawarkan rawatan cepak kos membabitkan enap cemar minyak mentah dan tangki produk petroleum untuk menjana penciptaan nilai tambahan dari hidrokarbon yang pulih.

Beri manfaat

Teknologi itu juga, katanya, akan memberi manfaat kepada PETRONAS dengan memperkenalkan piawaian Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar (HSE) yang lebih



[FOTO AIZUDDIN SAAD / BH]

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Darell Leiking bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Arijffin dan Presiden Majlis Perkhidmatan Minyak & Gas Malaysia (MOGSC), Sharifah Zaida Nurlisha melawat pameran Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSEC 2018) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.

baik untuk operasi.

Sebagai sebahagian daripada program itu, PETRONAS akan menyediakan TIME Marine Services dengan platform untuk memajukan teknologi berkenaan di aset PETRO-

NAS, serta maklumat proprietari bagi bersama-sama membangunkan dan mengkomersilkan teknologi.

PETRONAS juga melancarkan dua Cabaran Teknologi baharu pada majlis pengumuman

pemenang itu, mengenai alat yang berkesan mengurus Kakisan Penebat (CUI) dan penyelesaian teknikal yang menyeluruh mengenai hakisan yang disebabkan klorida.